

PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEMESTER 2 2019/2020

Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Kepada semua pelajar,

2. Adalah dimaklumkan, semua pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan semua yuran Semester 2 2019/2020 dan yuran tertunggak sebelum cuti pertengahan semester iaitu **sebelum 20.4.2020 bagi mengelakkan sekatan dikenakan**. Berikut adalah kesan tindakan sekatan :-

- i. Tidak Dibenarkan Untuk Menduduki Peperiksaan Akhir Semester 2 2019/2020
- ii. Tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran kursus/subjek
- iii. Keputusan peperiksaan dan transkrip peperiksaan ditahan
- iv. Tidak dibenarkan untuk menghadiri konvokesyen

3. **Tarikh akhir bayaran bagi sekatan dibuka dan membolehkan pelajar menduduki peperiksaan adalah sebelum atau pada 17.5.2020 iaitu 2 minggu sebelum peperiksaan akhir bermula**. Pelajar yang membuat bayaran selepas **17.5.2019** akan dikenakan denda berjumlah RM50/pelajar sepertimana kelulusan Mesyuarat JTK Kali ke 37 bil 3/2018 bertarikh 12/8/2018.

4. Tempoh bayaran yuran Semester 2 2019/2020 adalah ditetapkan seperti berikut :-

- i. **Tempoh bayaran sebelum proses sekatan dibuat : 10.2.2020 sehingga 20.4.2020**
- ii. **Tempoh bayaran sekatan dibuka tanpa denda : 21.4.2020 sehingga 17.5.2020**
- iii. **Tempoh bayaran sekatan dibuka dengan denda : 18.5.2020 dan seterusnya**

5. Pelajar adalah dimohon membuat bayaran lebih awal dan tidak menunggu saat akhir. Pelajar tidak akan dapat mencetak slip peperiksaan sekiranya masih berhutang.

6. Pelajar dinasihatkan untuk merancang kewangan dengan sebaiknya. Sebagai panduan jadual perancangan bayaran secara ansuran boleh dilaksanakan seperti berikut :-

BIL	BAYARAN ANSURAN	% BAYARAN	TARIKH
1	Ansuran pertama	20% dari yuran	Sebelum 15.2.2020
2	Ansuran ke-2	20% dari yuran	Sebelum 29.2.2020
3	Ansuran ke-3	20% dari yuran	Sebelum 15.3.2020
4	Ansuran ke-4	20% dari yuran	Sebelum 31.3.2020
5	Ansuran ke-5	20% dari yuran	Sebelum 15.4.2020

Kerjasama dari semua pelajar adalah amat dihargai. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Kewangan Pelajar di talian 09-4245336 / 5337 (prasiswazah) dan 09-5492326 / 2330 (pascasiswazah).

Sekian terima kasih.

Bahagian Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

b/p Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

JADUAL 1

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1	Semester 2 2019/2020 bermula	10.2.2020	Pelajar kanan mendaftar
2	Bayaran yuran Semester 2 2019/2020	10.2.2020– 20.4.2020	Tempoh bayaran sebelum sekatan dibuat
3	Cuti pertengahan semester	4.4.2020-12.4.2020	1 minggu
4	<u>AMARAN PERTAMA</u> Proses SEKATAN (BARRING) pelajar yang masih berhutang	21.4.2020	Seminggu selepas cuti pertengahan semester
5	<u>AMARAN AKHIR</u> Tempoh akhir untuk jelaskan hutang bagi membolehkan sekatan dibuka dan pelajar boleh menduduki peperiksaan i. Tanpa Denda ii. Berdenda	21.4.2020–17.5.2020 18.5.2020 dan seterusnya	Sehingga 2 minggu sebelum Peperiksaan Akhir bermula
6	Peperiksaan Akhir Semester 2 2019/2020 bermula	1.6.2020	Sehingga 14.6.2020